

12/01/2002

Universiti guna bahasa Jepun

KUALA LUMPUR, Jumaat - Universiti Asean-Jepun yang dicadangkan ditempatkan di negara ini, dijangka menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa penghantar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, universiti yang lebih khusus kepada pengajian serta latihan teknikal itu akan dibiayai kerajaan Jepun dan Malaysia.

Beliau berkata, rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi menyambut baik cadangan itu dalam perbincangan mereka di Putrajaya semalam.

"Koizumi berkata perkara itu boleh dibincangkan dan butiran lanjut mengenainya akan disentuh dalam perbincangan pada peringkat pegawai (Malaysia dan Jepun)," katanya selepas melancarkan Dewan Muda iaitu sayap Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata cadangan penubuhan universiti itu dikemukakannya ketika mesyuarat Asean + 3 (Jepun, China dan Korea Selatan) di Brunei November lalu dan turut dihadiri Koizumi.

Beliau berkata, Malaysia menghantar ramai pelajar ke Jepun tetapi kos pendidikan di sana amat tinggi.

"Kerana kos terlalu tinggi, maka jumlahnya tidak dapat ditingkatkan. Jadi saya cadangkan supaya diadakan institusi (universiti) itu di Malaysia yang kosnya rendah.

"Hari ini kita dapati ramai daripada orang Jepun menganggur dan mungkin orang ini dapat dihantar ke sini. Mereka menganggur kerana kelembapan ekonomi dan ramai daripada mereka mekanik dan jurutera... mereka tak ada kerja sekarang, kalau boleh hantar ke sini.

"Kita boleh adakan universiti yang mengguna bahasa Jepun sebagai bahasa penghantar dan dengan cara ini kita dapat menghantar lebih ramai pelajar kita," katanya.

Mengenai 61,000 bekas pelajar tajaan kerajaan yang masih belum menjelaskan pinjaman, beliau berkata ini berkaitan dengan sikap dan jika sikap itu tidak berubah, mereka tidak akan berjaya.

"Ini kerana jika anda tidak membayar balik lain kali anda mahu meminjam, anda tidak akan dapat. Bukan itu saja, kerana sikap tidak mahu membayar balik pinjaman, seluruh masyarakat sengsara.

"Sekarang ini, saya dapati apabila orang Melayu pergi bank untuk meminjam wang, bank kata... ahh ini orang Melayu datang kerana mereka tidak percaya. Fikirlah masyarakat sekeliling, bukan diri sendiri saja kerana tanpa membayar balik akan menjejaskan peluang orang lain membuat pinjaman," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, berkata sejak skim pinjaman itu dilaksanakan pada 1987, hanya kira-kira 10,000 peminjam menjelaskan keseluruhan pinjaman mereka.

(END)